

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @  
TAMBAT [ LUBOK ANTU ]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 11**

**Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kementerian ada menyediakan rangka kerja bagi penambahan pencawang telekomunikasi di kawasan Nanga Kumpang, Jelukong, Merio Tambak, SK Batang Ai, Ensawang, Kumpang Paoh, Kumpang Langgir, Ulu Engkari, Nanga Entalau Skrang dan Nanga Menjuau Skrang yang mana kawasan ini tidak mendapat liputan telekomunikasi dengan baik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kerajaan sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur komunikasi yang komprehensif merangkumi penyediaan liputan jalur lebar talian tetap dan mudah alih yang dapat memberi perkhidmatan komunikasi yang lebih menyeluruh, stabil dan berkualiti di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman.
2. Untuk memastikan liputan jalur lebar dapat disediakan kepada hampir semua penduduk, Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (atau National Fibreisation and Connectivity Plan, ("NFCP")) mensasarkan 98% kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat

kelajuan purata 30Mbps menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian di seluruh negara.

3. Pelaksanaan NFCP memberi keutamaan kepada penyediaan teknologi gentian optik agar Rakyat boleh menikmati perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan kualiti yang lebih baik. Walau bagaimanapun, bagi kawasan-kawasan yang memiliki kekangan seperti bentuk muka bumi dan sebagainya yang menghalang penyediaan teknologi gentian optik, pembinaan menara komunikasi bagi menyediakan teknologi tanpa wayar akan dipertimbangkan. Sekiranya kos yang sangat tinggi dan tempoh masa yang lama diperlukan untuk menyediakan teknologi gentian optik serta tanpa wayar, teknologi lain seperti perkhidmatan satelit akan digunakan bagi memastikan kesalinghubungan digital dapat dinikmati oleh segenap pelosok Rakyat di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua

4. Berdasarkan semakan yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), telah terdapat sebanyak 23 menara komunikasi baharu telah siap beroperasi di kawasan Lubok Antu. Manakala, sebanyak 28 lokasi menara telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan 3G dan 4G. Untuk perkhidmatan talian tetap sebanyak 136 sambungan telah tersedia. Dengan adanya infrastruktur ini, penduduk-penduduk di kawasan-kawasan berikut, Ensawang, Jelukong, Kampung Langgir, Kumpang Paoh, Nanga Entalau Skrang, Nanga Kumpang dan Sk Batang Ai, dapat menikmati perkhidmatan jalur lebar.

5. Manakala di kawasan Merio Tambak, Nanga Menjau Skrang dan Ulu Engkari tidak terdapat liputan buat masa ini memandangkan kawasan-kawasan ini terpencil dan belum mempunyai kemudahan infrastruktur asas untuk menyokong pembinaan menara pencawang komunikasi. Kementerian melalui SKMM akan terus menjalankan kajian berkaitan keperluan liputan selular dan jalur lebar di sekitar kawasan tersebut dan mempertimbangkan untuk dimasukkan ke dalam perancangan inisiatif-inisiatif infrastruktur di bawah NFCP.

## SOALAN NO : 11

6. Ia juga memerlukan kerjasama serta tindakan beberapa pihak berkepentingan lain terutamanya pihak Kerajaan Negeri. Selain dari itu, pihak Sarawak Multimedia Authority (SMA) yang menerajui dan memudahcara pembangunan dan pelaksanaan inisiatif komunikasi, multimedia dan ekonomi digital negeri perlu memainkan peranan bagi merealisasikan jaringan komunikasi yang baik di kawasan ini. Pada masa ini, SKMM sedang bekerjasama dengan pihak SMA untuk mengenalpasti keperluan dan menyelaraskan inisiatif jalur lebar di negeri Sarawak bagi mengelakkan pertindihan lokasi pelaksanaan.